



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	18/9/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	JPNS			



24

Sinar NEGERI

SABTU 18 SEPTEMBER 2021 • SINAR HARIAN

• PAHANG • SELANGOR/KL

Kompaun jika masih berkelah di HSK

Kawasan perkelahan dalam HSK di Selangor masih ditutup

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

SHAH ALAM

Kawasan perkelahan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Selangor masih ditutup kepada pengunjung dalam tempoh peralihan Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian berkata, sebarang aktiviti di kawasan terabit masih tidak dibenarkan buat masa ini.

Menurutnya, kerajaan negeri

akan mengambil tindakan secara bersepadu dengan polis dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan orang ramai mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

"Tindakan menghalang mereka daripada memasuki HSK akan dilakukan dan jika masih berdegil serta datang semula kita terpaksa mengeluarkan kompaun terhadap mereka," katanya pada Jumaat.

Dalam pada itu, Loy Sian berkata, kebenaran merentas daerah untuk melancong di negeri itu perlu dimanfaatkan sebaik-baiknya.

Menurutnya, pematuhan terhadap SOP ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) perlu diutamakan ketika berada di kawasan rekreasi yang dibenarkan dalam tempoh Fasa 2 PPN di negeri berkenaan.



LOY SIAN



Sejak seminggu lalu tular video dipercayai di kawasan Air Terjun Sungai Pisang di Ulu Gombak sesak dengan kehadiran orang ramai.

"Sekarang ini orang ghairah hendak melancong kerana sudah lama terkurung di rumah, jadi kalau ada peluang mereka akan keluar namun perlu mematuhi SOP ditetapkan.

"Setakat ini yang ada masalah ialah di kawasan HSK, kalau di pusat rekreasi terbuka seperti di pantai, kita nampak dan boleh laksanakan penguatkuasaan jika ada yang langgar SOP," katanya.

Sejak seminggu lalu, tular video dipercayai di kawasan Air Terjun Sungai Pisang di Ulu Gombak sesak dengan kehadiran orang ramai yang didakwa tidak mendapatkan kebenaran pihak berkuasa.

Dalam pada itu, Loy Sian turut mengingatkan penggiat industri pelancongan dan peniaga di kawasan tumpuan di negeri itu agar sentiasa menitikberatkan

soal pematuhan SOP pelanggan. "Mereka perlu memastikan setiap pelanggan mematuhi SOP sebelum dibenarkan memasuki premis termasuk jumlah pelanggan di restoran mengikut had yang dibenarkan," katanya.

Tambahnya, bagi yang masih belum lengkap dua dos vaksin pula mereka diingatkan tidak merentas daerah atau melakukan sebarang aktiviti riadah di luar.